

EDITOR, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

**SUHAKAM GESA KEJELASAN DAN PEMATUHAN TEGAS TERHADAP
PERLEMBAGAAN DALAM PROSES PELANTIKAN KETUA PESURUHJAYA
SPRM**

KUALA LUMPUR (25 APRIL 2026) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) SUHAKAM mengambil maklum pelantikan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang baharu dan ingin menyorot kembali kenyataan oleh Perdana Menteri bahawa satu senarai calon telah dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Perkembangan ini menimbulkan kebimbangan serius terhadap kesahan perlembagaan proses tersebut dan SUHAKAM menekankan akan kepentingan untuk memastikan bahawa proses pelantikan dilaksanakan dengan ketat, selaras dengan Perlembagaan serta kerangka perundangan berkanun yang terpakai. Oleh itu, SUHAKAM menegaskan bahawa Perdana Menteri memikul tanggungjawab perlembagaan untuk menasihati pelantikan ini dan hendaklah melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan tegas, jelas dan taat setia kepada undang-undang. Pelaksanaan tanggungjawab ini dengan sewajarnya adalah penting bagi memelihara tertib perlembagaan serta mengekalkan keyakinan awam terhadap institusi negara.

SUHAKAM ingin menegaskan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Raja Berperlembagaan yang berasaskan prinsip kedaulatan Perlembagaan Persekutuan dan keluhuran undang-undang. Dalam kerangka perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong bertindak selaras dengan peruntukan Perlembagaan, termasuk prinsip yang telah lama diterima bahawa Baginda hendaklah bertindak atas nasihat Perdana Menteri atau Jemaah Menteri, kecuali dalam keadaan yang amat terhad dan jelas ditentukan. Perkara ini diperuntukkan secara jelas dalam Perkara 40 Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan itu, Seksyen 5(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dengan jelas memperuntukkan bahawa Ketua Pesuruhjaya hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri. Apabila peruntukan ini dibaca bersama Perkara 40 Perlembagaan Persekutuan, jelas bahawa kuasa pelantikan sebenar diberikan oleh Perlembagaan dan undang-undang kepada Perdana Menteri. Peranan Yang di-Pertuan Agong dalam proses pelantikan adalah bersifat formal atau istiadat semata-mata. Baginda hendaklah menerima sesiapa yang dinasihatkan oleh Perdana Menteri, untuk dilantik sebagai Ketua Pesuruhjaya. Walau bagaimanapun, Baginda tidak terhalang daripada memberikan pandangan atau nasihat, atau mendapatkan maklumat lanjut mengenai pilihan Perdana Menteri; namun begitu, nasihat atau pilihan Perdana Menteri adalah muktamad. Sebarang penyimpangan daripada kerangka perlembagaan ini adalah tidak selaras dengan dan melanggar Perlembagaan Persekutuan, serta menjejaskan sistem pemerintahan demokrasi Malaysia.

Pada masa yang sama, SUHAKAM dengan penuh takzim menekankan kesucian Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi Persekutuan. Semua institusi negara, termasuk institusi diraja, mempunyai peranan yang berbeza dan penting, yang harus dilaksanakan dalam had perlembagaan masing-masing. Pematuhan terhadap batasan ini adalah penting bagi menjamin kestabilan, akauntabiliti dan penghormatan terhadap kedaulatan undang-undang.



**KENYATAAN MEDIA
SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA (SUHAKAM)**

SUHAKAM turut mengambil maklum desakan yang semakin ketara untuk reformasi institusi bagi memperkukuh kebebasan SPRM, termasuk pelaksanaan proses pelantikan yang lebih telus dan berasaskan merit. Pertimbangan juga wajar diberikan kepada mekanisme seperti penelitian atau pengawasan Parlimen bagi memastikan pelantikan adalah tertakluk kepada semakan yang sewajarnya dan bebas daripada pengaruh yang tidak wajar. Kebebasan dan kredibiliti SPRM bukan sahaja bergantung kepada individu yang dilantik, tetapi juga kepada integriti dan kesahan proses pelantikan itu sendiri. Sebarang persepsi penyimpangan daripada Perlembagaan berisiko menghakis kepercayaan awam terhadap usaha memerangi rasuah dan tadbir urus secara keseluruhan.

SUHAKAM menyeru pematuhan penuh dan tegas terhadap Perlembagaan Persekutuan dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dalam pelantikan Ketua Pesuruhjaya yang baharu, di samping mendorong reformasi bermakna bagi meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan integriti institusi dalam jangka panjang.

-TAMAT-

**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)
25 April 2026**